

COFNIL-N SYRUP

Ammonium chloride / Ephedrine hydrochloride / Chlorpheniramine maleate (150mg/5mg/ 2mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cofnil-N Syrup
2. Bagaimana Cofnil-N Syrup berfungsi
3. Sebelum mengambil Cofnil-N Syrup
4. Cara menggunakan Cofnil-N Syrup
5. Semasa mengambil Cofnil-N Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cofnil-N Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Cofnil-N Syrup

Cofnil-N Syrup digunakan untuk

- melegakan simptom batuk.
- untuk merawat kesesakan hidung disebabkan oleh selsema, alergi dan, jangkitan respiratori.

Bagaimana Cofnil-N Syrup berfungsi

Ephedrine Hydrochloride

Ia berfungsi sebagai dekongestan dengan menyempitkan saluran darah kecil dalam hidung. Ini mengurangkan ketebalan lapisan hidung yang menyebabkan kesesakan dan melegakan rasa hidung tersumbat.

Chlorpheniramine Maleate

Chlorpheniramine maleate merupakan antihistamina yang bertindak menghalang pembebasan histamina ke dalam badan yang berlaku semasa tindak balas alahan dan membantu pengeringan rembesan mukus dan seterusnya membantu mekanisma ekspektoran.

Ammonium Chloride

Ia berfungsi sebagai ekspektoran dengan mencairkan kahak supaya senang dibatuk keluar.

Sebelum mengambil Cofnil-N Syrup

Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda sensitif terhadap *sodium citrate, chloroform* atau *menthol*.
- Jika anda sedang dirawat atau pernah mengambil ubat perencat *Monoamine Oxidase (MAOIs)* dalam masa dua minggu yang lepas.
- Bayi yang baru lahir dan bayi pramatang.

- Jika anda mempunyai penyakit hati dan buah pinggang.
- Jika aliran darah anda ke bahagian jantung tersumbat.
- Jika anda mempunyai kelenjar tiroid yang terlalu aktif.

Sebelum mula mengambil

Doktor akan memaklumkan berapa banyak dan berapa kerap Cofnil-N Syrup untuk diambil. Perkara ini juga dicetak di atas label ubat anda.

Beritahu doktor atau ahli farmasi sekiranya anda alergi/alah terhadap sebarang ubat, makanan, pengawet atau pewarna.

Jangan guna ubat ini untuk kanak-kanak di bawah umur 2 tahun. Gunakan dengan berhati-hati atas nasihat doktor atau ahli farmasi untuk kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun.

Hamil dan menyusukan bayi

Jangan ambil Cofnil-N Syrup jika anda hamil, sedang merancang untuk hamil atau mungkin hamil.

Jangan ambil Cofnil-N Syrup jika anda sedang menyusukan bayi. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Elakkan pengambilan Cofnil-N Syrup dengan ubat depresi sistem saraf pusat pada masa yang sama.

Cara menggunakan Cofnil-N Syrup

Berapa banyak harus diambil

Iku arahan doktor atau ahli farmasi dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

2 - 6 tahun:

2.5ml setiap 6 jam (4 kali sehari).

6 - 12 tahun:

5ml setiap 6 jam (4 kali sehari)

12 tahun ke atas:

10ml setiap 6 jam (4 kali sehari)

Setiap dos harus diikuti dengan segelas air untuk memastikan penghidratan yang mencukupi untuk memberikan tindakan ekspektoran yang baik.

Bila perlu diambil

Iku arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu diambil

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Kesan terlebih dos kebanyakannya disebabkan oleh bahan aktif chlorpheniramine dan ephedrine hydrochloride.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat, jika mengambil dos yang berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan boleh menyebabkan muka menjadi

COFNIL-N SYRUP

Ammonium chloride / Ephedrine hydrochloride / Chlorpheniramine maleate (150mg/5mg/2mg per 5ml)

kemerah-merahan, berpeluh dan muntah-muntah.

Semasa mengambil Cofnil-N Syrup

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Cofnil-N Syrup.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda telah hamil semasa menggunakan ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali atas arahan doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Cofnil-N Syrup dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda berasa mengantuk jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor dengan segera.

Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Cofnil-N Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini seperti:

- Rasa bimbang, gelisah, lemah-lemah otot, berpeluh dan dahaga.
- Insomnia (sukar untuk tidur), sukar untuk membuang air kecil.
- Kemurungan.
- Loya, muntah, cirit-birit, sembelit dan lain-lain sakit di bahagian perut.

- Sakit kepala, penglihatan kabur, telinga berdengung, kerengsaan, mimpi buruk dan mulut kering.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Cofnil-N Syrup

Penyimpanan

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Simpan ubat ini di tempat yang sejuk dan kering di mana suhunya sentiasa dibawah 25°C. Lindungi dari cahaya.

Jangan simpan ubat didalam bilik mandi, berdekatan dengan sinki atau tingkap.

Jangan meninggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Kepanasan dan kelembapan akan merosakkan sesetengah ubat.

Jangan ambil ubat ini sekiranya telah melewati tarikh tamat tempoh yang dicetak pada bungkusannya.

Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Cecair jernih berwarna coklat kemerahan, bebas daripada sebarang kekotoran dan berbau menthol dan minyak fennel.

Bahan-bahan kandungan

Cofnil-N Syrup mengandungi:

- Bahan – bahan aktif

Ammonium Chloride 150mg, Ephedrine Hydrochloride 5mg dan Chlorpheniramine Hydrochloride 2mg dalam setiap 5ml.

- Bahan - bahan tidak aktif

Glycerin, Menthol, Liquid Caramel, Liquid Sorbitol, Granular Sugar, Fennel Oil, Croscarmellose Sodium, Citric Acid, Anhydrous, Sodium Citrate, Chloroform, Chloroform Spirit, Acetic Acid dan Deionized Water.

Nombor MAL:

MAL19890438A

Pengilang:

Idaman Pharma Manufacturing Sdn. Bhd (661901-P)

Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan, Bakar Arang Industrial Estate, 08000 Sungai Petani, Kedah.

Pemegang Pendaftaran Produk:

Idaman Pharma Manufacturing Sdn. Bhd (661901-P)

Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan lapan, Bakar Arang Industrial Estate, 08000 Sungai Petani, Kedah.

Tarikh kemaskini RiMUP:

10/06/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)100615/00150